



**MINIT MESYUARAT KALI KE-73 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
JUMAAT, 8 DISEMBER 2023, JAM 9.30 PAGI  
WEBEX LIVE**

---

**Kehadiran : Pengerusi**

YBhg. Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed,  
FASc  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBhg. Profesor Datin Dr. Azlina Binti Harun @ Kamaruddin  
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman  
Pengarah Hospital  
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato' Dr. Musa bin Hj. Ali  
Pendaftar

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar  
Cik Nur Mariyam Binti Musa  
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz  
Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil  
Ts. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari  
Cik Nadia Roselilyana Binti Noordin

**Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim (Presiden)  
Encik Mohamad Khusaini Bin Jamaluddin  
Encik Norhiman Bin Ahmad  
Puan Noor Zaini Binti Khairul Khan  
Encik Mohd Shukur Bin Abidin  
Puan Hasnah Binti Hassan  
Encik Nik Fakurudin Bin Nik Ali

**Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Jalaludin Bin Azizan  
Ketua Penolong Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad  
Setiausaha  
Kesatuan Kakitangan Am

**Turut Hadir**

YBrs. Profesor Dr. Salasiah Binti Che Lah  
Dekan  
Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan

YBrs. Dr. Ahmad Zaimi Bin Abdul Latiff  
Pengarah  
Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan Dan Pergigian)

Encik Ahmad Fadhlul Irham Bin Yusoff  
Pengarah  
Pusat Pengetahuan, Komunikasi Dan Teknologi

Ts. Dr. Hazrieffendi Bin Bakri  
Penolong Bendahari Kanan  
Jabatan Bendahari

Puan Rozie Aniza Kartini Binti Che Ghani  
Penolong Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

**Tidak Hadir :**  
YBhg. Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Binti Samat  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Profesor Dr. Shaharum Bin Shamsuddin  
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBrs. Encik Rafizal Bin Abd Rahim  
Bendahari

YBrs. Profesor Ir. Dr. Badorul Hisham Bin Abu Bakar  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Ngo Sheau Shi  
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

---

**MINIT 1      Ucapan Aluan Pengerusi**

YBhg. Dato' Seri Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatiha serta ucapan aluan kehadiran dan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir secara dalam talian. Memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa mesyuarat MBJ Kali Ke-73 ini merupakan mesyuarat MBJ ketiga dan terakhir bagi tahun 2023.

YBhg. Dato' Seri Pengerusi merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua ahli mesyuarat MBJ di atas penerimaan Sijil Penghargaan MBJ yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) kepada pihak USM di atas kejayaan mengadakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebanyak tiga (3) kali mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2022.

Sijil Penghargaan berkenaan telah disampaikan semasa Persidangan Pengurus Sumber Manusia 2023 pada 7 November 2023 yang berlangsung di Cyberjaya.

YBhg. Dato' Seri Pengerusi turut merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar di atas pelantikan sebagai Presiden baharu PKAPUSM, Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil selaku Naib Presiden serta barisan Jawatankuasa Eksekutif PKAPUSM bagi penggal 2023-2024.

YBhg. Dato' Seri Pengerusi menyeru agar barisan kepimpinan yang baharu PKAPUSM dapat bersama-sama pihak universiti dalam usaha meningkatkan prestasi perkhidmatan serta menjaga kebajikan warga USM.

YBhg. Dato' Seri Pengerusi turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBrs. Profesor Ir. Dr. Badorul Hisham Bin Abu Bakar, mantan Presiden PKAPUSM atas sumbangan, khidmat bakti dan komitmen beliau sepanjang berada dalam MBJ.

## **MINIT 2**

### **Pengesahan Minit Mesyuarat**

**Minit Mesyuarat kali ke – 72 Majlis Bersama Jabatan pada hari Rabu, 13 September 2023, jam 3.00 petang.**

Minit mesyuarat ini disahkan tanpa pindaan.

## **MINIT 3**

### **Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Ke - 72**

#### **Minit 5.2.1 Pembayaran secara ansuran bulanan melalui potongan gaji bagi staf yang menggunakan perkhidmatan Laser Refraktif HUSM**

Majlis diingatkan kembali saranan pihak KKAUSM agar pihak Universiti mempertimbangkan pembayaran ansuran secara potongan gaji selama 60 bulan dan pemberian diskain 20 peratus bagi pembayaran penuh secara lumpsum bagi meringankan beban staf untuk mendapatkan perkhidmatan Laser Refraktif.

Majlis mengambil maklum bahawa pihak Unit Korporat HUSM telah bersetuju meluluskan kemudahan pembayaran ansuran selama tiga (3) bulan dan diskain 20 peratus bagi perkhidmatan Laser Refraktif kepada staf. Permohonan bayaran secara ansuran dan diskain berkenaan perlu dikemukakan terus kepada Unit Korporat HUSM.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

### **Minit 5.2.2 Insurans Kelompok Kepada Kumpulan Skim Perjawatan Pemandu Kenderaan**

Majlis mengambil maklum berkaitan cadangan pihak KKAUSM agar pihak Universiti memperkenalkan dan menyediakan Insurans Kelompok kepada staf Pemandu Kenderaan Universiti serta penambahbaikan skop perlindungan Insurans yang lebih inklusif untuk semua kategori staf, perluasan skop *Personal Accident Insurance* sedia ada dan penilaian staf berisiko tinggi.

Majlis turut mengambil perhatian maklumbalas daripada pihak Jabatan Bendahari seperti berikut:

- I. Jabatan Bendahari telah menguruskan bayaran insurans bagi tahun 2023 sebanyak RM4.4 juta melibatkan keseluruhan 26 polisi. Perlindungan ini merangkumi operasi/organisasi di USM dan tidak melibatkan perlindungan individu.
- II. Kajian pasaran PA mengambilira anggaran sejumlah 100 orang pemandu dengan sum covered sebanyak RM50,000 adalah melibatkan tambahan kos sejumlah RM5,310 setahun.
- III. Pemandu di PTJ tidak terhad dari kalangan staf yang berjawatan pemandu malahan ada yang terdiri dari Pembantu Tadbir dan Pembantu Operasi. Bilangan serta tempoh lantikan pemandu juga adalah tidak tetap dan bertempoh seperti satu minggu, sebulan mahupun satu (1) tahun bergantung kepada aktiviti serta pelaksanaan polisi *multitasking*.
- IV. Pihak Jabatan Bendahari pernah mengadakan perbincangan bersama Jabatan Pendaftar dan KKAUSM berkaitan *Personal Accident Insurance* pemandu dan staf. Walau bagaimanapun, setelah kajian pasaran dilaksanakan, Jabatan Bendahari mendapati pihak Universiti perlu menyediakan peruntukan sejumlah RM 500,000 setahun. Dengan jumlah peruntukan yang besar berkenaan, Tabung Kebajikan Staf dan Tabung Insurans sedia ada tidak mampu untuk *sustain*.
- V. Susulan itu, pihak universiti telah menambahbaik manfaat Tabung Kebajikan Staf bertujuan untuk meringankan beban staf yang dilanda musibah. Tabung Kebajikan Staf ini meliputi perlindungan kemalangan termasuk kes kehilangan anggota badan.
- VI. Staf juga turut dilindungi di bawah skim Ex-Gratia dan kadar pampasan perlindungan yang diberikan adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Dalam hal berkaitan, Majlis mengesyorkan pihak PTJ menyediakan *Personal Accident Insurance* kepada staf berkenaan menggunakan peruntukan di PTJ masing-masing bergantung kepada penilaian, keperluan dan keputusan PTJ.

[Tindakan : Untuk Makluman]

### **Minit 5.2.3 Pemeriksaan Kesihatan Kumpulan Pemandu Kenderaan USM**

Majlis diingatkan kembali berkaitan permohonan semakan status pentauliahan kepada Pusat Sejahtera, IPPT dan HUSM bagi melaksanakan pemeriksaan kesihatan bagi pembaharuan Lesen Vokasional yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Majlis mengambil maklum pihak Pusat Sejahtera telah berhubung dengan Bahagian Perlesenan JPJ Putrajaya bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan

kelayakan untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan bagi keperluan permohonan dan pembaharuan Lesen Vokasional untuk pemandu USM seperti berikut;

- I. Pemandu kenderaan komersial tidak melebihi 3500kg (Lori Kecil, Van Panel dan kenderaan lain yang didaftarkan sebagai kenderaan komersial untuk mengangut barang) Lesen GDL.
- II. Pemandu Perkhidmatan kenderaan awam (Van, Teksi dan Bas) Lesen PSV.
- III. Pemandu VIP/ Pengurusan Tertinggi/ Ketua Jabatan adalah tidak perlu pemeriksaan kesihatan khas untuk pemandu kerana tidak memerlukan Lesen Vokasional.

Pihak Pusat Sejahtera turut memaklumkan bahawa pada 10 Oktober 2023 pihak JPJ memaklumkan pihak mereka tiada halangan bagi pihak Pusat Sejahtera (Pusat Perubatan dan Pergigian), USM untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan bagi permohonan/pembaharuan Lesen Vokasional. Garis panduan baharu yang diberikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti berikut;

- I. Harga pemeriksaan kesihatan sejumlah RM 80.00 seorang untuk setiap permohonan.
- II. Pemeriksaan umum (Berat, Tinggi, BMI).
- III. Ujian mata. Ujian penglihatan Snellen chart, Visual chart, Visual field confrontation method, Ujian rabun warna Ishihara chart.
- IV. Ujian pendengaran (Hisper test).
- V. Ujian-ujian darah termasuk HbA1C untuk penghidap diabetes.
- VI. Ujian saringan sindrom kesekatan pernafasan tidur berdengkur dan pictorial Epworth sleepiness scale.

Susulan perkara di atas, Majlis mengambil maklum bahawa pihak Pusat Sejahtera telah mendapat kelulusan daripada JPJ Putrajaya untuk menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan bagi pembaharuan Lesen Vokasional.

Pihak Pusat Sejahtera akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Pulau Pinang berkaitan pelarasan pelaksanaan dan prosedur berkaitan dengan perkhidmatan ini yang dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mac 2024.

Dalam hal berkaitan, pihak Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) perlu mengemukakan senarai nama pemandu dari semua kampus yang memerlukan Lesen Vokasional kepada pihak Pusat Sejahtera.

**[Tindakan : Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti]**

**MINIT 4 : PERKARA DARIPADA PIHAK MAJIKAN**

**MINIT 5 : PERKARA DARIPADA PIHAK PEKERJA**

**5.1 Perkara daripada Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

**5.1.1 Kertas Kerja Cadangan Insentif Kepada Staf Pentadbiran Yang Mempunyai Kelayakan Akademik Ijazah Sarjana Dan Kedoktoran Universiti Sains Malaysia**

Majlis mengambil perhatian berkaitan cadangan pihak PKAPUSM agar pihak Universiti memberikan insentif dan penghargaan kepada staf pentadbiran yang telah berusaha mempertingkatkan ilmu pengetahuan dengan melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat Sarjana dan Kedoktoran.

Majlis turut merakamkan ucapan terima kasih kepada staf pentadbiran yang telah berusaha untuk meningkatkan tahap kompetensi melalui peningkatan pencapaian akademik. Namun pertimbangan pemberian sebarang imbuhan/insentif perlu mengikut kemampuan kewangan pihak universiti dan mengikut dasar dan peraturan sedia ada.

Majlis mengambil maklum inisiatif untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi ini bukan sahaja dalam kalangan staf pentadbiran malahan dari pelbagai peringkat termasuk staf pelaksana. Dalam hal ini, pihak universiti sentiasa menggalakkan perkara ini sebagai proses pembelajaran sepanjang hayat.

Majlis turut mengambil maklum bahawa pihak PKAPUSM telah mengemukakan cadangan ini secara lisan semasa sesi libatsama dengan pihak JPA dan akan memanjangkan kertas cadangan Cadangan Insentif kepada Staf Pentadbiran ini kepada pihak JPA dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK).

Setelah berbincang, Majlis turut bersetuju agar sebarang cadangan dari PKAPUSM atau KKAUSM boleh dikemukakan melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) selain daripada saluran MBK dan sebarang pelaksanaan dasar atau polisi berkaitan insentif ini adalah tertakluk kepada kelulusan di peringkat agensi pusat seperti JPA dan Kementerian.

[Tindakan : Untuk makluman]

#### **5.1.2 Pemberian Subsidi Pembelian Komputer Riba kepada Staf**

Majlis mengambil maklum berkaitan cadangan pihak PKAPUSM agar pihak universiti mempertimbangkan pemberian subsidi bagi pembelian komputer riba sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan dan boleh dilaksanakan secara berperingkat mengikut kadar seperti berikut: -

- i. Staf Akademik: RM 1,000.00
- ii. Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) : RM 1,500.00
- iii. Kumpulan Pelaksana: RM 2,000.00

Majlis turut mengambil maklum maklumbalas dari pihak Pusat Pengetahuan, Komunikasi Dan Teknologi (PPKT) bahawa cadangan pemberian subsidi ini akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) yang akan diadakan pada 12 Disember 2023 dan cadangan kadar seperti yang dinyatakan seperti di atas telah diambil maklum dan akan dipertimbangkan.

Majlis turut memohon agar pihak PPKT memaklumkan kepada pihak PKAPUSM dan KKAUSM secara bertulis dapatan atau keputusan daripada cadangan pemberian subsidi ini selepas mesyuarat JTK pada 12 Disember 2023 berkenaan.

**[Tindakan : Pusat Pengetahuan, Komunikasi Dan Teknologi (PPKT)]**

**5.1.3 Pelantikan Guru Bahasa Warganegara Secara Kontrak**

Majlis mengambil perhatian berkaitan permohonan pihak PKAPUSM untuk mendapatkan pencerahan berkaitan perkara seperti berikut;

- i. Kriteria dan syarat pelantikan kontrak yang digunakan bagi pelantikan Guru Bahasa Warganegara secara kontrak.
- ii. Kriteria, syarat, tempoh lantikan minimum dan maksimum bagi serapan ke jawatan tetap dan berpencen dan syarat pengesahan ke jawatan tetap bagi Guru Bahasa warganegara lantikan kontrak.

Susulan perkara di atas, Majlis mengambil maklum bahawa syarat lantikan ke skim perkhidmatan pendidikan atau (DG) adalah mengikut syarat lantikan skim yang boleh dirujuk dalam laman sesawang JPA.

Manakala dari segi kriteria, penentuan adalah di peringkat Jawatankuasa Sumber Manusia peringkat Pusat Pengajian Bahasa, Literasi Dan Terjemahan. Kriteria ini turut dinyatakan dengan jelas di dalam iklan pengisian jawatan sama ada kontrak atau tetap.

Majlis turut mengambil maklum maklumbalas Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi Dan Terjemahan bahawa pelantikan baharu Guru Bahasa Warganegara secara kontrak adalah mengikut pekeliling yang telah digunakan selama ini. Untuk pelantikan Guru Bahasa secara Kontrak ini, calon perlu warganegara Malaysia dan perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda sekurang-kurangnya dalam bidang pengajaran bahasa berkenaan (Bahasa Malaysia, Bahasa Korea, Jepun dan lain-lain).

Setiap Guru Bahasa Kontrak yang dilantik mempunyai masa antara satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk dilantik secara tetap bergantung kepada pencapaian prestasi masing-masing dan memenuhi syarat-syarat lain yang telah ditetapkan untuk diserap secara tetap.

Setelah berbincang, Majlis bersetuju bahawa proses pengesahan jawatan Guru Bahasa tiada apa perubahan. Walau bagaimanapun syarat-syarat lantikan serta pengesahan jawatan perlu dinyatakan dengan jelas serta telus di dalam surat pelantikan Guru Bahasa berkenaan.

Dalam hal ini, Bahagian Sumber Manusia (BSM) dan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan akan bekerjasama bagi menambahbaik dan memperkemaskan surat tawaran pelantikan Guru Bahasa.

**[Tindakan : Untuk makluman]**

#### **5.1.4 Pelantikan Staf Bukan Warganegara Secara Tetap / Kontrak Di Semua PTJ**

Majlis mengambil perhatian berkaitan permohonan pihak PKAPUSM untuk mendapatkan pencerahan berkaitan perkara seperti berikut:

- i. Polisi dan dasar pelantikan.
- ii. Kriteria dan syarat standard yang digunakan bagi pelantikan staf bukan warganegara.
- iii. Justifikasi pelantikan staf bukan warganegara dalam bidang di mana pihak PTJ mempunyai staf warganegara dalam kepakaran dan bidang lantikan staf bukan warganegara.

Majlis mengambil maklum bahawa pihak universiti mempunyai polisi berkaitan komposisi bilangan minimum pensyarah bukan Warganegara bagi keperluan MyRA dan sebagainya. Walau bagaimanapun pengisian pensyarah berkenaan tidak menggunakan waran perjawatan memandangkan mereka dilantik secara kontrak.

Pelantikan berkenaan turut tidak menimbulkan isu mengambil tempat atau slot pensyarah Warganegara dan ianya penting bagi mewujudkan diversiti, latar belakang serta pengalaman yang pelbagai dalam kalangan pensyarah. Kriteria dan syarat pelantikan adalah ditentukan di peringkat Pengurusan Sumber Manusia PTJ.

Setelah berbincang dan mengambil kira pandangan pihak PKAPUSM berkaitan kewajaran pelantikan Guru Bahasa Warganegara yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran khusus berkaitan sesuatu bidang tetapi tidak dilantik sebagai pensyarah, isu berkaitan pelantikan pensyarah kontrak bukan Warganegara dari alumni USM atau isu *Inbreeding*, Majlis memohon agar pihak Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan melihat semula proses pelantikan pensyarah bukan Warganegara dengan mengambil kira aspek idea, pengalaman dan bidang baharu yang tiada di pusat pengajian agar dapat menambah nilai kepada institusi.

**[Tindakan : Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan]**

#### **5.1.5 Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja**

Majlis mengambil maklum berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2021, pemakaian baju batik pada hari Khamis hanya digalakkan kepada semua penjawat awam.

Majlis turut mengambil maklum bahawa Hebahan Pendaftar Bil. 47 Tahun 2023 berkaitan keperluan wajib pemakaian baju batik pada hari Khamis dikeluarkan selari dengan arahan daripada pihak JPA kepada semua Penjawat Awam.

Dalam hal berkaitan, pihak PKAPUSM memohon pertimbangan pihak Universiti agar tidak mewajibkan pemakaian baju batik pada hari Khamis kepada warga staf USM.

Setelah mengambil kira pelbagai pandangan, Majlis bersetuju agar kelonggaran diberikan kepada staf yang tidak mampu membeli baju batik dan staf yang perlu memakai pakaian yang bersesuaian dengan tugas. Walaupun tiada penguatkuasaan dilaksanakan di peringkat universiti berkaitan arahan ini, namun pemakaian pakaian batik ini adalah wajib ketika menghadiri majlis-majlis rasmi yang diadakan pada hari Khamis dan Pekeliling berkaitan pemakaian baju batik pada hari Khamis masih digunakan.

[Tindakan : Untuk makluman]

## 5.2 Perkara daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

### 5.2.1 Iklan Kemajuan Kerjaya Staf Pelaksana untuk Tahun 2023

Majlis mengambil perhatian saranan pihak KKAUSM agar pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) menyelaras tempoh Iklan Kemajuan Kerjaya Staf Pelaksana mengikut jadual ditetapkan setiap tahun.

Majlis mengambil maklum maklumbalas daripada pihak BSM bahawa Iklan Kemajuan Kerjaya Staf Pentadbiran dan Akademik dijangka akan dikeluarkan pada awal tahun 2024. Pengisian jawatan-jawatan kenaikan pangkat bagi staf Pentadbiran bagi tahun 2023 secara amnya telah diambil kira di dalam iklan kenaikan pangkat pada tahun 2022. Oleh yang demikian, jumlah jawatan kenaikan pangkat adalah tidak banyak.

Majlis turut mengambil maklum bahawa pihak BSM akan selaraskan proses Iklan Kemajuan Kerjaya Staf akan dikeluarkan setiap awal tahun.

[Tindakan : Untuk Makluman]

### 5.2.2 Kekosongan Jawatan Pegawai/Staf Kumpulan Pelaksana di PTJ.

Majlis mengambil maklum saranan pihak KKAUSM agar Ketua Jabatan untuk merancang perjawatan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing bagi memenuhi kekosongan jawatan di PTJ secara teliti dan teratur agar proses pengisian kekosongan jawatan dapat dilaksanakan bagi kes staf yang bersara atau bertukar tempat bertugas.

Dalam hal berkaitan, Majlis turut mengambil maklumbalas daripada pihak BSM bahawa Ketua-Ketua Jabatan sentiasa berhubung dengan pihak BSM berhubung keperluan pengisian perjawatan. Pengisian secara *one to one* tidak lagi berlaku sebaliknya mengambil kira strategi pengoptimuman sumber manusia, *re-engineering* proses kerja dan penggunaan sistem dalam proses kerja. Pihak BSM juga sentiasa bekerjasama dari masa ke semasa dengan Ketua Jabatan agar memantau staf bagi memastikan perkhidmatan mereka dioptimumkan sepenuhnya.

Majlis mengambil maklum bahawa setiap awal tahun Pendaftar mengadakan sesi libatsama dengan semua HOD bagi merancang keperluan sumber manusia di peringkat PTJ. Majlis turut mengambil maklum saranan pihak KKAUSM agar pihak universiti memberi keutamaan

kepada staf pelaksana yang memenuhi semua syarat kelayakan kenaikan pangkat dan telah lama berkhidmat kepada Universiti dalam pertimbangan kenaikan pangkat.

[Tindakan : Untuk Makluman]

#### **5.2.3 Pembekalan Pakaian Baju Korporat USM kepada Kumpulan Pelaksana**

Majlis mengambil maklum syor daripada pihak KKAUSM berkaitan pembekalan baju korporat kepada staf Kumpulan Pelaksana.

Berhubung dengan syor berkenaan, Majlis mengambil maklum bahawa pihak universiti tidak mempunyai baju korporat malah tidak menetapkan hari khas untuk pemakaian baju korporat. Sebaliknya baju korporat kebanyakannya dibuat melalui inisiatif PTJ masing-masing. Baju korporat yang telah dibekalkan pada tahun 2022 merupakan pemberian secara *one-off*.

Pihak universiti bersedia mengkaji semula cadangan ini sekiranya mempunyai kemampuan kewangan di masa hadapan.

[Tindakan : Untuk Makluman]

#### **MINIT 6 : Penutup**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih dari YBhg. Dato' Seri Pengurus kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :

  
**MOHD JALALUDIN BIN AZIZAN**  
Setiausaha Bersama MBJ

  
**NOR AMIN BIN AHMAD**  
Setiausaha Bersama MBJ USM  
(Wakil Pekerja)